

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 18

### Minyak masak paket, telur masih kurang di Kuantan

# Minyak masak paket, telur masih kurang di Kuantan

Tinjauan dapati bahan asas tanpa subsidi banyak di pasaran

Oleh Asrol Awang  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Bekalan minyak masak paket bersubsidi didapati kehabisan di beberapa pasar raya di daerah ini, namun stok minyak masak botol bagi dua dan lima kilogram masih ada di pasaran.

Tinjauan semalam mendapati minyak masak paket yang dihadkan penjualannya kepada tiga paket bagi setiap pelanggan habis sejak awal pagi.

Keadaan itu membimbangkan orang ramai khasnya golongan berpendapatan rendah yang mahu kerajaan mengatasi masalah ke-

kurangan bekalan itu segera. Suri rumah, Jamaliyah Kamruddin, 56, berkata pihak berkusa, terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup perlu segera bertindak bagi memastikan pengguna mudah mendapatkan barang keperluan harian.

"Bukan semua mampu membeli minyak masak dalam botol, terutama golongan kurang berkecukupan kerana harganya tinggi.

"Jadi, masalah kekurangan stok minyak masak bersubsidi perlu diselesaikan segera," katanya.

#### Harapan peniaga

Sementara itu, tinjauan bekalan telur ayam juga berlaku kekurangan, terutama membatikkan 30 biji seapan.

Bagaimanapun, telur ayam 10 biji jenis omega dan premium masih ada di pasaran, tetapi harga gantung lebih mahal, menyebabkan



Rak yang menempatkan minyak masak paket bersubsidi habis di sebuah pasar raya di Kuantan.

(Foto Asrol Awang/BH)

ia kurang mendapat sambutan.

Peniaga nasi lemak, Junaidi Kamaruzzaman, 45, berkata kesukaran mendapatkan bekalan telur memberikan kesan kepadaananya kerana telur ayam adalah

antara bahan asas dalam menu nasi lemak.

Katanya, disebabkan itu, dia terpaksa mendapatkan bekalan telur ayam di beberapa pasar raya atau kedai runcit jauh dari rumah.

"Saya harap kerajaan segera memulihkan kembali bekalan telur ayam kerana kesukaran mendapatkannya menyebabkan kami terpaksa mencarinya di tempat," katanya.